

MAKLUMAT PENGURUSAN



ALAMAT:

Aras 11, Jabatan Bangunan
Menara MBBJ
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru,
JOHOR DARUL TA'ZIM.



07 - 219 8163 / 8123 / 8164
@ 07 - 228 2519



EMAIL:

inovasi&permitsementara@mbjb.gov.my



LANAMAN WEB:

www.mbjb.gov.my



WAKTU OPERASI:

Isnin – Khamis : 8.00 pagi – 4.30 petang
Jumaat : 8.00 pagi – 12.15 tengahari
2.45 petang – 4.30 petang
Sabtu – Ahad : Tutup
Cuti Umum : Tutup

IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT:

Sila imbas kod QR ini untuk
mengakses maklumat,
perkhidmatan dan
kemaskini terkini MBBJ.



IMBAS SAYA

Maklumat dalam brosur ini adalah untuk
tujuan maklumat sahaja. MBBJ berhak
untuk membuat perubahan dari semasa ke
semasa tanpa notis terlebih dahulu. Sila
rujuk laman web MBBJ untuk maklumat
yang paling terkini.



مَجْلِسُ بَنْدَرِجَايُ جُوهَرِ بَاهَرُو
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

GARIS PANDUAN PERMIT MBJB

PAPAN PENGHADANG (HOARDING)

Pengenalan / Tujuan

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN
PAPAN PENGHADANG / PAPAN
DENDENG (HOARDING) DI DALAM
KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS
BANDARAYA JOHOR BAHRU.**

Pemasangan papan penghadang /
papan dendeng di kawasan tapak
pembinaan adalah bertujuan untuk
memastikan keselamatan awam,
kawalan tapak bina serta
menyeragamkan imej pembangunan
di dalam kawasan pentadbiran **Majlis
Bandaraya Johor Bahru (MBJB).**

Pemasangan ini **berkuat kuasa** mulai
01 Mac 2026 selaras dengan arahan
SUKJ (no. Ruj. Sukj.Bkt. 700-21/8
bertarikh 19 Januari 2026) &
diputuskan dalam mesyuarat penuh
OSC pada 30 Mac 2026.

JOHOR BAHRU



BERKHIDMAT
UNTUK RAKYAT



INTERGRITI
DIUTAMAKAN



BANDARAYA
MAMPAN

SYARAT & GARIS PANDUAN

1. PEMASANGAN PAGAR KESELAMATAN

Pemohon hendaklah menyediakan papan penghadang / dinding keselamatan di kawasan tapak pembinaan, rumah pekerja, kawasan kerja infra atau kawasan berkaitan mengikut spesifikasi dan tatacara yang ditetapkan oleh pihak MBBJ.

2. PERMIT & PEMATUHAN

Segala kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan mematuhi syarat permit sementara serta peraturan yang berkuat kuasa sepanjang tempoh pembinaan dijalankan.

3. KEBERSIHAN & KESELAMATAN

Pemohon bertanggungjawab memastikan:

- ☐ Kebersihan tapak
- ☐ Keselamatan awam
- ☐ Kawalan lalu lintas
- ☐ sentiasa berada dalam keadaan baik dan teratur.

4. KEROSAKAN HARTA AWAM

Sebarang kerosakan akibat kerja pembinaan hendaklah dibaiki semula oleh pemohon dengan kos sendiri seperti:

- ☐ Kerosakan Jalan
- ☐ Kerosakan Longkang
- ☐ Kerosakan Lampu jalan
- ☐ Kerosakan Kemudahan awam

5. KESELAMATAN PEJALAN KAKI

- ☐ Laluan Awam

Bahagian yang mudah dilalui orang ramai hendaklah:

Dilengkapi dengan “hood” penutup
Menutup laluan pejalan kaki dengan selamat

6. TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Pihak MBBJ berhak:

- ☐ Menarik balik kelulusan
- ☐ Mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya pemohon gagal mematuhi syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan.

7. SPESIFIKASI PAPAN PENGHADANG

- ☐ Hendaklah menggunakan bahan jenis “Metal Deck”
- ☐ Warna yang dibenarkan ialah **biru gelap sahaja**
- ☐ “Metal Deck” jenis berkilat adalah **tidak dibenarkan**
- ☐ **Ketinggian** minimum pagar keselamatan ialah: **2.4 meter (8 kaki) ke 3.0 meter**
- ☐ **Pemasangan** dipasang secara menegak Menutupi sepenuhnya kawasan tapak bina
- ☐ **Jarak** 6 meter antara sticker ke sticker

8. KERJA SEMENTARA

Sekiranya pagar dibuka sementara, Kain kanvas / plastik hendaklah dipasang. Penghadang keselamatan sementara perlu disediakan Lampu amaran dan pita keselamatan hendaklah dipasang.

9. IKLAN & IDENTITI KORPORAT

Paparan Iklan (Lukisan / Iklan / Grafik) pada permukaan pagar keselamatan adalah tertakluk kepada kelulusan Jabatan Pelesenan MBBJ.

10. PAPAN TANDA WAJIB

Pemohon hendaklah meletakkan:

Papan tanda “**UTAMAKAN KESELAMATAN**”

Logo / tulisan “**I ♥ JOHOR**” di lokasi yang bersesuaian pada pagar keselamatan.




DEFINISI PERMIT SEMENTARA

PEMASANGAN PAPAN PENGHADANG/ PAPAN DENDENG SEBAGAIMANA DALAM UUK (19) UKBS 1984, AKTA 133 1974 (82)

Suatu permit sementara bagi suatu tempoh terhad boleh dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi maksud-maksud berikut:

- Mendirikan bangsal bagi pertunjukan-pertunjukan atau tempat sembahyang;
- Mendirikan bangsal kerja bagi pembina-pembina atau suatu stor atau bangsal lain yang hendak digunakan berhubungan dengan kerja-kerja bangunan;
- Mendepositkan bahan-bahan binaan atas jalan-jalan;
- Mendirikan peranca atas sesuatu jalan;
- Mendirikan pelantar kerja, kerja kerangka, pelantar atau apa-apa jenis superstruktur di atas bumbung yang bersempadanan dengan jalan; dan
- Mendirikan papan dinding atas jalan-jalan mengikut Undang-undang Kecil 20

Suatu permit sementara boleh dikeluarkan mengikut budibicara pihak berkuasa tempatan bagi mendirikan sesuatu bangunan sementara dan hendaklah tertakluk kepada kesemua atau sebahagian daripada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Undang-Undang Kecil ini.



CADANGAN TIPIKAL REKA BENTUK PAPAN DENDENG (HOARDING) BAGI TAPAK PROJEK DI DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (MBJB)